

Anwar dicabar kemuka Kabinet bayangan bulan ini
Utusan Online
20 Mei, 2012

KUALA LUMPUR 19 Mei - Datuk Seri Anwar Ibrahim dicabar segera mengumumkan 'ahli-ahli' Kabinet bayangan bagi pakatan pembangkang memandangkan pilihan raya umum dijangka diadakan tidak lama lagi.

Ketua Penerangan Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Ruslan Kassim (**gambar**) berkata, semua pihak khususnya rakyat perlu tahu mengenai calon-calon Kabinet bayangan tersebut bagi memudahkan mereka membuat kajian, perbandingan serta penilaian.

Menurut Ruslan, sekiranya Anwar enggan berbuat demikian, ia membuktikan sikap Ketua Pembangkang itu yang suka berjanji dan tidak mustahil beliau mungkin telah berjanji dengan beberapa calon untuk memberikan jawatan sama.

"Saya cabar Anwar isytiharkan *line up* Kabinet bayangan dalam bulan ini juga. Selain itu, saya yakin semua pihak pasti tertanya-tanya dan mahu tahu apakah jawatan Kabinet yang akan diberikan kepada Wan Azizah (Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail), Nurul Izzah, Azmin Ali, Shamsidar Taharin serta Mohamad Sabu sekiranya pakatan pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang.

"Sekiranya beliau (Anwar) enggan mengisytiharkan barisan Kabinet bayangan tersebut atau cuba melengah-lengahkan pengumuman itu, ternyata ia muslihat beliau kerana umum maklum sikapnya yang selalu berjanji kepada beberapa calon untuk memegang jawatan yang sama.

"Saya yakin beliau tidak mahu membuat pengumuman tersebut kerana takut muslihat serta janji-janjinya kepada beberapa calon akan terbongkar dan tembelangnya pecah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Isu berhubung Kabinet bayangan yang dikaitkan dengan pakatan pembangkang sering kali dibangkitkan.

Malah, banyak pihak telah mencabar Anwar serta pemimpin-pemimpin pembangkang yang lain menamakan calon-calon Kabinet bayangan mereka sekiranya yakin memenangi pilihan raya umum akan datang.

Pakatan pembangkang pernah mengemukakan senarai Kabinet bayangan selepas Pilihan Raya Negeri Sarawak tahun lalu walaupun hakikatnya Barisan Nasional (BN) menang majoriti dua pertiga di negeri berkenaan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0520&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm